



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# PELAN **STRATEGIK**

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

## 2021-2025



**STATISTIK NADI KEHIDUPAN**



**PELAN STRATEGIK  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
2021–2025**

**STATISTIK NADI KEHIDUPAN**

# PELAN STRATEGIK

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

## 2021-2025

### VISI

Peneraju Perkhidmatan  
Statistik Demi  
Kesejahteraan Sejagat

Meningkatkan Inovasi Rantaian  
Statistik untuk Penyampaian  
Perkhidmatan yang Efisien

### MISI

Memacu Statistik Berintegriti  
dan Perkhidmatan Profesional  
untuk Pembudayaan Keputusan  
Berasaskan Bukti

Memperkasakan  
Perkhidmatan Statistik  
yang Berintergriti,  
Relevan dan Andal

### MOTO

Statistik Nadi Kehidupan

Membudayakan  
Statistik dalam  
Kehidupan

Memacu Analitik  
Data Sektor  
Awam






JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



# Isi Kandungan

Muka Surat

<b>3</b>	<b>PERUTUSAN</b> Ketua Setiausaha Negara YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali
<b>4</b>	<b>KATA ALU-ALUAN</b> Ketua Perangkawan Malaysia YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin
<b>5</b>	<b>RINGKASAN EKSEKUTIF</b>
<b>6</b>	<b>OBJEKTIF DAN MATLAMAT</b>
<b>7</b>	<b>PENCAPAIAN 2015-2020</b>
<b>26</b>	<b>TADBIR URUS SISTEM PERANGKAAN</b>
<b>30</b>	<b>FUNDAMENTAL PRINCIPLES OF OFFICIAL STATISTICS</b>
<b>31</b>	<b>KERANGKA KERJA STATISTIK</b>
<b>32</b>	<b>VISI, MISI, MOTO</b>
<b>33</b>	<b>NILAI TERAS</b>
<b>34</b>	<b>PEMEGANG TARUH DAN PENGGUNA</b>
<b>36</b>	<b>PIAGAM PELANGGAN</b>



<b>37</b>	<b>ANALISIS PERSEKITARAN : ISU DAN CABARAN</b>
<b>39</b>	<b>PERANAN DOSM</b>
<b>41</b>	<b>HALA TUJU PELAN STRATEGIK JABATAN 2021-2025</b>
<b>45</b>	<b>TERAS STRATEGIK</b>
<b>45</b>	<b>TERAS STRATEGIK 1</b> Strategi, Program dan Aktiviti
<b>50</b>	<b>TERAS STRATEGIK 2</b> Strategi, Program dan Aktiviti
<b>56</b>	<b>TERAS STRATEGIK 3</b> Strategi, Program dan Aktiviti
<b>63</b>	<b>TERAS STRATEGIK 4</b> Strategi, Program dan Aktiviti
<b>68</b>	<b>RINGKASAN TERAS STRATEGIK</b>
<b>69</b>	<b>PENGUKUR KEJAYAAN</b>
<b>73</b>	<b>FAKTOR PENENTU KEJAYAAN</b>
<b>74</b>	<b>WAY FORWARD</b>
<b>76</b>	<b>LAMPIRAN</b>
<b>102</b>	<b>PENGHARGAAN</b>

# Perutusan

## KETUA SETIAUSAHA NEGARA

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT kerana dengan izin-Nya jua, Jabatan Perangkaan Malaysia telah berjaya menghasilkan Pelan Strategik Jabatan 2021-2025. Usaha ini merupakan salah satu inisiatif yang strategik untuk melonjakkan kecemerlangan perkhidmatan awam dalam memastikan sistem penyampaian statistik rasmi negara kekal relevan, cekap, efisien dan memenuhi kehendak pengguna. Jabatan Perangkaan Malaysia dilihat komited dalam melipat gandakan usaha bagi menambahbaik kualiti sistem penyampaian perkhidmatan statistik melalui teras strategik dan strategi yang dirangka dalam pelan strategik ini.

**“Sebagai penjana statistik rasmi negara, Jabatan Perangkaan Malaysia merupakan penggerak utama ke arah penggunaan data dan statistik bagi membudayakan pembuatan keputusan berdasarkan fakta dan data. Peranan ini penting bagi merealisasikan iltizam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 bagi pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif khususnya semasa negara berada dalam tempoh pemuliharan yang pantas masa kini.”**

Saya berharap agar Pelan Strategik Jabatan 2021-2025 ini akan dapat dilaksanakan dengan jayanya dan memberi manfaat kepada kesejahteraan rakyat dan negara. Janganlah ia sekadar menjadi dokumen yang kemas teratur di rak buku semata-mata, tetapi setiap warga Jabatan Perangkaan Malaysia hendaklah menghayati moto “Statistik Nadi Kehidupan” agar dapat diterjemahkan melalui kecemerlangan perkhidmatan statistik yang akhirnya akan dinilai oleh rakyat.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah kepada seluruh kepimpinan Jabatan Perangkaan Malaysia di atas kejayaan menghasilkan dokumen Pelan Strategik ini.



**Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali**

# Kata Alu-Aluan

## KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

**“ Pelan Strategik Jabatan 2021-2025 merupakan dokumen induk bagi tempoh lima tahun yang menggariskan teras strategik, strategi, program serta aktiviti dan arah tuju Jabatan Perangkaan Malaysia. Pelan Strategik ini dirangka selari dengan dasar semasa Kerajaan, kehendak dan keperluan pelanggan Jabatan serta perubahan landskap sosioekonomi dan cabaran yang berlaku di peringkat nasional dan global. ”**

Dalam menambah baik penyampaian perkhidmatan statistik kepada masyarakat, Jabatan Perangkaan Malaysia telah merangka pelan strategik yang komprehensif untuk merealisasikan visi jabatan. Pelan Strategik yang berbentuk komprehensif, progresif dan responsif ini meliputi keberhasilan produk dan perkhidmatan statistik yang holistik serta mensasarkan pencapaian bagi memenuhi ekspektasi pengguna.

Pelan Strategik Jabatan 2021-2025 ini merupakan pelan yang menggariskan komitmen Jabatan Perangkaan Malaysia dalam menyampaikan perkhidmatan statistik yang terbaik melalui pelaksanaan strategi dan program yang telah dikenal pasti. Pelan ini dibangunkan berlandaskan peranan Jabatan sebagai penjana statistik rasmi Malaysia untuk pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat pada masa hadapan.

Terima kasih diucapkan kepada warga Jabatan Perangkaan Malaysia di atas komitmen dan usaha dalam merangka, melaksana dan memastikan sasaran Pelan Strategik Jabatan 2021-2025 ini dapat direalisasikan. Harapan saya agar pelan yang telah dirangka dapat disampaikan dengan berkesan. Saya yakin melalui kerjasama erat dan komitmen yang tinggi daripada semua warga Jabatan di setiap peringkat, Pelan Strategik ini dapat menjadi pemacu dalam menghasilkan statistik yang berintegriti.



**Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin**

# Ringkasan Eksekutif


## PELAN STRATEGIK 2021–2025

**Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)** merupakan agensi peneraju dalam membekalkan statistik rasmi negara. Bagi memastikan DOSM kekal relevan dalam penyampaian perkhidmatan statistik, **Pelan Strategik Jabatan (PSJ) 2021–2025** telah dirangka sebagai kesinambungan kepada Pelan Transformasi Jabatan (PTJ) 2015–2020.

PSJ 2021–2025 merupakan dokumen yang menggariskan perancangan dan hala tuju DOSM bagi tempoh lima tahun bermula 2021 hingga 2025. Perancangan lima tahun ini merupakan garis panduan bagi mencapai visi DOSM sebagai **Peneraju Perkhidmatan Statistik Demi Kesejahteraan Sejagat**.

Pelan strategik ini dijajarkan seiring dengan perubahan landskap sosioekonomi semasa di peringkat domestik dan antarabangsa terutamanya dalam aspek penyampaian statistik rasmi yang menjadi teras penting kepada pembangunan negara.

Berasaskan enam nilai teras yang diterapkan bagi mencapai visi dan misi Jabatan iaitu mesra pelanggan, integriti & akauntabiliti, kompeten, berhemah & berwibawa, semangat kebersamaan serta profesionalisme, pelan strategik ini merumuskan hala tuju dengan empat teras strategik berikut:



Empat teras strategik ini telah diperincikan dengan **12 strategi, 31 program dan 113 aktiviti** bagi mengukuhkan DOSM sebagai organisasi yang dinamik. PSJ ini akan menjadi rujukan utama dalam memacu DOSM ke arah penghasilan statistik yang berintegriti dan perkhidmatan profesional yang tinggi dalam membudayakan keputusan berdasarkan bukti.

DOSM akan memastikan pelan strategik ini sentiasa progresif, responsif dan dinamik dalam merealisasikan visi dan misi DOSM.

# PELAN STRATEGIK

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

## 2021-2025

## Objektif

Dokumen PSJ ini menyediakan strategi dan inisiatif yang dirangka oleh DOSM sebagai agensi Penjana Statistik Rasmi Negara untuk diselaras dan dilaksanakan secara sistematik dan bersepada bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Dokumen ini akan menjadi rujukan utama warga kerja DOSM bagi memantapkan perkhidmatan agar selari dengan hala tuju strategik DOSM secara inklusif dan mampan.

## Matlamat

Dokumen ini memusatkan segala kebersamaan, komitmen dan penumpuan seluruh warga DOSM bagi menjayakan visi dan misi Jabatan.

# Pencapaian 2015-2020



**1**

## **STATISTIK UNTUK KESEJAHTERAAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA**

- Penghasilan 273 produk dengan 8 produk baharu.
- Penghasilan 10 produk yang dipercepatkan.

**2**

## **MODENISASI DAN INOVASI STATISTIK**

- Pengajuran Minggu Pembudayaan Inovasi & Kreativiti dan Hari ICT DOSM.
- Penggunaan prasarana eServices/eStatistik sepenuhnya.
- Perasmian Portal Jabatan.
- Kick-off Pembangunan Statistics Data Warehouse (StatsDW) Fasa 1.

**3**

## **MODAL INSAN DAN PEMBANGUNAN KAPASITI**

- Pengajuran Regional Course on Statistical Business Registers.
- Penyertaan 63 program di peringkat antarabangsa melibatkan 79 pegawai.
- Pengajuran kursus dalaman:
  - a. 75 kursus
  - b. 1,586 peserta

- Pengajuran kursus antarabangsa:
  - a. 1 kursus
  - b. 38 peserta
- Program Bahagian/DOSM Negeri:
  - a. 22 program
  - b. 1,580 peserta

**4**

## **KOMUNIKASI STRATEGIK**

- Sambutan Hari Statistik Sedunia 2015.
- Pengajuran 18 program *Stats Talk* dan lawatan pelajar.
- Jalinan kerjasama *Memorandum of Understanding (MoU)* dengan:
  - a. Universiti Multimedia (MMU)
  - b. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
  - c. *Malaysia University of Science and Technology (MUST)*

**5**

## **PEMERKASAAN AGENSI**

- Penghasilan Pelan Transformasi Jabatan Perangkaan Malaysia (2015-2020).

**6**

## **PENGIFTIRAFAN**

- Kejayaan Pembidaan *ISI World Statistics Congress (WSC) 2019* di Brazil.
- Tuan rumah dan pengurus *5th Session of the ASEAN Community Statistical System (ACSS Committee)*.
- Johan Anugerah Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak Peringkat Zon Ke-6.

**7**

## **KESEIMBANGAN BUDAYA KERJA**

- Pengajuran Sukan antara zon ke-11, 2015.
- Pengajuran Pertandingan “Jom Bowling” 2015.
- Pengajuran StatsRun 2015.



**1**

### **STATISTIK UNTUK KESEJAHTERAAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA**

- Majlis pelancaran Banci Ekonomi 2016.
- Penghasilan 282 produk termasuk 14 Indikator baharu.
- Penghasilan 14 produk yang dipercepatkan.

**2**

### **MODENISASI DAN INOVASI STATISTIK**

- Majlis pelancaran *Statistics Big Data Analytics (STATSBDA)*.
- Majlis pelancaran *Statistics Data Warehouse (StatsDW)* Fasa 1.

**3**

### **MODAL INSAN DAN PEMBANGUNAN KAPASITI**

- Pengajuran *4th Malaysia Statistics Conference (MyStats 2016)*.
- Majlis menandatangani Perjanjian *ISI World Statistics Congress (WSC) 2019*.
- Penyertaan 67 program di peringkat antarabangsa melibatkan 72 pegawai.
- Pengajuran kursus dalaman:
  - a. 35 kursus
  - b. 1,125 peserta
- Pengajuran kursus antarabangsa:
  - a. 3 kursus
  - b. 61 peserta
- Program Bahagian/DOSM Negeri:
  - a. 17 program
  - b. 1,505 peserta

4

## KOMUNIKASI STRATEGIK

- Penganjuran 34 program *Stats Talk* dan lawatan pelajar.
- Jalinan kerjasama *Memorandum of Understanding (MoU)* dengan:
  - a. Pos Malaysia Berhad
  - b. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
  - c. Universiti Malaysia Sabah (UMS)
  - d. Universiti Putra Malaysia (UPM)

5

## PEMERKASAAN AGENSI

- Penghasilan Pelan Integriti Jabatan 2016-2020.
- Penghasilan Pelan Strategik Institut Latihan Statistik (ILSM) 2016-2020.
- Penghasilan Pelan Strategik Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT) Jabatan 2016-2020.

6

## PENGIFTIRAFAN

- Penerima Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri 2016 bagi *StatsDW* Fasa 1.

7

## KESEIMBANGAN BUDAYA KERJA

- Penganjuran Kejohanan Ping Pong Antara Bahagian 2016.



**1**

### **STATISTIK UNTUK KESEJAHTERAAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA**

- Majlis Kick Off Road to MyCensus2020.
- Pelancaran penerbitan Produktiviti Buruh Suku Tahunan oleh YAB Perdana Menteri.
- Pelancaran Statistik Pendapatan & Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) Malaysia 2016 mengikut Daerah Pentadbiran.
- Majlis Pembentangan dan Sidang Media Statistik Banci Ekonomi 2016
- Penghasilan 317 produk termasuk 59 produk baharu.
- Penghasilan 11 produk yang dipercepatkan.

**2**

### **MODENISASI DAN INOVASI STATISTIK**

- Penerima Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri 2016.
- Pelancaran projek *StatsDigital*.

**3**

### **MODAL INSAN DAN PEMBANGUNAN KAPASITI**

- Pengajuran 5th Malaysia Statistics Conference (*MyStats 2017*).
- Lawatan kerja dari Cambodia National Institute of Statistics (*NIC*).
- Penyertaan 85 program di peringkat antarabangsa melibatkan 130 pegawai.
- Pengajuran kursus dalaman:
  - a. 18 kursus
  - b. 579 peserta
- Program Bahagian/DOSM Negeri:
  - a. 12 program
  - b. 742 peserta

**4****KOMUNIKASI STRATEGIK**

- Pengajuran 25 program *Stats Talk* dan lawatan pelajar.
- Majlis Merakyatkan Statistik melalui Komunikasi Visual.
- Sesi Libat Urus Majlis Tindakan Pembangunan Negeri Dan Agensi Persekutuan Berkaitan Pendapatan Isi Rumah 2016.
- Pameran *Statistics Outreach Program for Bumiputera Adolescents: From School to College*.
- Pengajuran Mini Karnival Statistik 2017.
- Pengajuran Sambutan Hari Statistik Negara 2017 (*MyStats Day*).
- Jalinan kerjasama Memorandum of Understanding (*MoU*) dengan:
  - a. Management and Science University (*MSU*)
  - b. Sunway University
  - c. Universiti Teknikal Malaysia Melaka (*UTeM*)
- Pengajuran Seminar Statistik Pemacu Kemakmuran dan Kesejahteraan Negeri Mendepani Cabaran Masa Hadapan.

**5****PEMERKASAAN AGENSI**

- Perasmian Institut Latihan Statistik Malaysia (*ILSM*) oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah.
- Penubuhan *Core Team Malaysian Bureau of Labour Statistics (MBLS)* dengan penempatan semula enam pegawai sedia ada.
- Penstrukturran Jabatan 2017.

**6****PENGIFTIRAFAN**

- Penerimaan mandat pengajuran ISI WSC 2019 di Maghribi.
- Pengisytiharan Hari Statistik Negara pada setiap 20 Oktober oleh Kerajaan Malaysia.

## 7

## **KESEIMBANGAN BUDAYA KERJA**

- Penganjuran Stats ASEAN Run 2017.
- Penganjuran Sukan Statistik Kebangsaan 2017.
- Penganjuran Mini Karnival Statistik 2017.
- Penganjuran dan penglibatan aktitiviti serta program oleh Bahagian, DOSM Negeri dan Persatuan di DOSM:
  - a. Penyertaan sambutan Maulidur Rasul dan Maal Hijrah peringkat kebangsaan dan negeri
  - b. 34 aktiviti sukan
  - c. 10 aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)
  - d. 12 program Ihyā' Ramadhan
  - e. 12 Majlis Sambutan Perayaan
  - f. 5 Hari Keluarga
  - g. Penyertaan dalam 9 aktiviti sukan anjuran agensi lain.



## 1

### **STATISTIK UNTUK KESEJAHTERAAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA**

- Majlis Statistik Mensejahterakan Rakyat dirasmikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia.
- Pelancaran *MyLocal Stats 2017*.
- Penghasilan 305 produk termasuk 35 produk baharu.
- Penghasilan 25 produk yang dipercepatkan.

## 2

### **MODENISASI DAN INOVASI STATISTIK**

- Pelancaran Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Malaysia Dalam Talian (*METS Online*) Ver. 3.
- Pembangunan Aplikasi Mudah Alih (*Mobile App*) DOSM:
  - a. *SmartCE* merupakan sub modul sistem operasi Banci 2020 yang digunakan oleh pembanci
  - b. *Smart Field Listing (SmartFL)* merupakan sub modul sistem operasi Banci 2020 bagi penyenaraian tempat kediaman dan pertubuhan perniagaan
  - c. *Smart Map* merupakan sub modul sistem operasi Banci 2020 bagi pengemaskinian peta tempat kediaman dan blok penghitungan
  - d. *My Local Stats* merupakan platform digital capaian maklumat sosioekonomi hingga peringkat negeri dan daerah pentadbiran oleh pengguna.
- Pembangunan Malaysia *Integrated Population Census System (MyIPCS)*.
- Pembangunan Portal Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 dan *Stats Geoportal*.
- Pelancaran *Statistics Big Data Analytics (STATSBDA)* melibatkan enam modul:
  - a. *Modul Trade by Enterprise Characteristics*
  - b. *Modul Price Intelligence*
  - c. *Modul Public Maturity Assessment for Official Statistics*
  - d. *Modul Real Time News on Official Statistics*
  - e. *Modul Real Time Business Status*
  - f. *Modul Bizcode@Stats*.

## 3

### **MODAL INSAN DAN PEMBANGUNAN KAPASITI**

- Penganugerahan SAS Certified Data Scientist kepada sembilan pegawai DOSM.
- Penganjuran *6th Malaysia Statistics Conference (MyStats 2018)*.
- Penganjuran Kolokium Statistik dan Research Poster.
- Pelancaran Program Ijazah Sarjana Ekonomi Universiti Utara Malaysia (UUM) – DOSM.
- Penganjuran kursus antarabangsa dengan kerjasama *United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (UNESCAP)* & *United Nations Statistical Institute for Asia and the Pacific (UNSIAP): Regional Course on Statistical Business Registers (SBR): Data Sources Maintenance and Quality Assurance*.
- Penganjuran seminar Statistik Kependudukan dan Sosioekonomi Negeri: Ke Arah Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020.
- Sesi Pemukiman Strategik DOSM 2018.
- Penganjuran *Statistical Competencies Development Programme (SCDP) 2018* bagi Perangkawan lantikan baharu Gred E4I.
- Penyertaan 92 program di peringkat antarabangsa melibatkan penyertaan 124 pegawai.
- Penganjuran kursus dalaman:
  - a. 33 kursus
  - b. 677 peserta
- Penganjuran kursus antarabangsa
  - a. 2 kursus
  - b. 67 peserta
- Penganjuran kursus khas agensi luar
  - a. 1 kursus
  - b. 20 peserta
- Penganjuran Program Bahagian/DOSM Negeri
  - a. 16 program
  - b. 1,223 peserta

## 4

### **KOMUNIKASI STRATEGIK**

- Penganjuran 38 program *Stats Talk* dan lawatan pelajar.
- Penganjuran *DOSM Datathon 2018*.

- Penganjuran Hari Statistik Negara 2018 (*MyStats Day*)
  - a. 19 program
  - b. 5,860 peserta
- Jalinan kerjasama Memorandum of Understanding (*MoU*) dengan:
  - a. *Iskandar Regional Development Authority (IRDA)*
  - b. *Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)*
  - c. *Universiti Teknologi Petronas (UTP)*
  - d. *Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)*
- Penglibatan 886 mesyuarat luar Jabatan.

**5**

## **PEMERKASAAN AGENSI**

- Perasmian COOP-STATS MART.

**6**

## **PENGIFTIRAFAN**

- Penerima Anugerah Pingat Emas di Pertandingan Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri bagi *My Local Stats*.
- Pengiktirafan oleh agensi statistik antarabangsa antaranya:
  - a. *Chairman, Members of the Bureau, Organization of Islamic Cooperation Statistical Commission (OIC-StatCom)* bagi tempoh 2018–2019
  - b. *Chairman of the Committee on Statistics of the United Nations Economic and Social Commission for Asia And the Pacific (ESCAP)* bagi tempoh 2018–2020
  - c. *Co-Chair Working Group (WG) on the Development of New Strategic Vision of OIC-StatCom (2018–2024)*
  - d. *Member of Friends of the Chair Group on the Fundamental Principles of Official Statistics (FOC-FPOS) 2018–2019, United Nations Statistical Commission (UNSC)*
  - e. *Member of the City Group United Nations: Praia Group on Governance Statistics*
  - f. *Member of the City Group United Nations: Washington Group on Disability Statistics*
  - g. *Expert Group on Compilation Guide for Tourism Satellite Account – UN World Tourism Organization*
  - h. *Member of the Head of Commonwealth Statistics Community, 2018.*

## 7

## KESEIMBANGAN BUDAYA KERJA

- Pengajuran 14 program *FitDOSM* di Bahagian, DOSM Negeri dan Persatuan di DOSM.
- Pengajuran Sabah Stats Run 2019.
- Pengajuran ekspedisi mendaki bukit antaranya Bukit Broga di Selangor, Bukit Bangkong dan Bukit Larut di Perak.
- Pengajuran *Fun Walkathon* oleh Persatuan Penolong Pegawai Perangkaan Jabatan Perangkaan Malaysia (PPPJPM) dan Kesatuan Pembantu Perangkaan Statistik (KEPP-STAT) sempena Sambutan Hari Statistik Negara 2018.
- Pengajuran dan penglibatan aktiviti dan program oleh DOSM Negeri, Bahagian dan Persatuan di DOSM:
  - a. 17 aktiviti kerohanian
  - b. 17 aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)
  - c. 10 program *Ihya' Ramadhan*
  - d. 20 Majlis Sambutan Perayaan
  - e. 5 Hari Keluarga
  - f. Penyertaan dalam *Ironman 70.3 Langkawi 2018*



## 1

### **STATISTIK UNTUK KESEJAHTERAAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA**

- Kick Off Banci Perdagangan Borong & Runcit (WRC) 2019.
- Pengajuran Forum Perdana Ehwal Islam bertajuk "Usia Berbaki" anjuran DOSM bersama dengan Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Penglibatan DOSM Negeri bersama pihak RTM dalam sesi buah bicara berkaitan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 dan Banci Perdagangan Borong & Runcit (WRC) 2019.
- Pelancaran penerbitan Akaun Satelit Pelancongan Sarawak.
- Pelancaran Laporan Awalan Banci Perdagangan Borong dan Runcit (WRC) 2019.
- Penghasilan 371 produk termasuk 23 produk baharu.
- Penghasilan 43 produk yang dipercepatkan.

## 2

### **MODENISASI DAN INOVASI STATISTIK**

- Pelancaran aplikasi dalam talian:
  - a. *Malaysia Business Cycle Clock (MBCC)*
  - b. *Trade by Enterprise Characteristics (TEC)*
  - c. *National Sustainable Development Goals (SDG) Monitoring System*
  - d. *Malaysia CPI Inflation Calculator (MyCPI)*
- Pembangunan aplikasi dalam talian seperti:
  - a. *MyCapStock Fasa 2*
  - b. *My Local Stats 2.0*

### 3

## MODAL INSAN DAN PEMBANGUNAN KAPASITI

- Pengajuran 62nd *ISI World Statistics Congress (ISI WSC 2019)*.
- Pengajuran *Symposium on Data Science and Official Statistics*.
- Pengajuran *Statistical Competencies Development Programme (SCDP) 2019* bagi pegawai Gred E44 dan lantikan baharu E41, E29 dan E19.
- Penyertaan 79 program di peringkat antarabangsa melibatkan 112 pegawai.
- Pengajuran kursus dalaman:
  - a. 35 kursus
  - b. 1,125 peserta
- Pengajuran kursus antarabangsa:
  - a. 3 kursus
  - b. 95 peserta
- Pengajuran kursus khas agensi luar
  - a. 1 kursus
  - b. 25 peserta
- Program Bahagian/DOSM Negeri:
  - a. 5 program
  - b. 554 peserta

### 4

## KOMUNIKASI STRATEGIK

- Pengajuran 17 program *Stats Talk* dan lawatan pelajar.
- Pengajuran *ISI WSC Kembara 2019* merentasi semua negeri.
- Seminar Ekonomi Negeri Selangor bertemakan *Smart Selangor: Mengoptimumkan Potensi, Memacu Kemakmuran Ekonomi*.
- Seminar Statistik: Mendepani Cabaran dan Agenda Sustainable Development Goals (*SDG*) Nasional.
- Sesi interaktif bersama responden Perdagangan Borong & Runcit anjuran bersama DOSM Negeri.
- Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 bersama Ketua Perangkawan Malaysia.
- Lawatan kerja Ketua Perangkawan Malaysia ke *Johor Petroleum Development Corporation Berhad (JPDC)* serta *Pengerang Integrated Petroleum Complex (PIPC)*.
- Sebanyak 216 lawatan muhibah dan 140 kunjungan hormat.

- Mesyuarat Kembara Anak Muda Bersama YAB Menteri Besar Negeri Sembilan Serta Kepimpinan Kerajaan Negeri Sembilan.
- Penganjuran Hari Statistik Negara 2019 (*MyStats Day*):
  - a. 22 program
  - b. 7,675 peserta
- Jalinan kerjasama *Memorandum of Understanding (MoU)* dengan:
  - a. Universiti Malaysia Pahang (UMP)
  - b. Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
  - c. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
- Penglibatan dalam 1,251 mesyuarat luar Jabatan.

**5**

## **PEMERKASAAN AGENSI**

- Kelulusan Jemaah Menteri bagi penubuhan Biro Statistik Buruh Malaysia pada 29 November 2019.

**6**

## **PENGIKTIRAFAN**

- Pengiktirafan oleh agensi statistik antarabangsa antaranya:
  - a. *Chairman of Working Group International Merchandise Trade Statistics (WGIMTS), 2019-2021*
  - b. *Member of Friends of the Chair Group on Economic Statistics (FOC-ES), 2019*
  - c. *Member of Inter-Agency and Expert Group on Sustainable Development Goal Indicators (IAEG-SDGs), 2019-2021*
  - d. *Member of International Association for Official Statistics (IAOS) Executive Committee (EXCO), 2019-2021*
  - e. *Vice chair of Regional Steering Group (RSG) for Civil Registration and Vital Statistics (CRVS) in Asia and the Pacific, 2019-2024*
- Johan Pertandingan Sudut Bacaan Peringkat Negeri Sabah sempena Dekad Membaca Kebangsaan 2019.

## 7

## KESEIMBANGAN BUDAYA KERJA

- Penganjuran *World Stats (WSC) Run 2019*.
- Hari Keluarga DOSM 2019.
- Penyertaan dalam program Sukan antara Agensi 2019 di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN).
- Penganjuran Tawau Stats Run 2019.
- Penyertaan program larian anjuran pelbagai agensi antaranya:
  - a. *Putrajaya Night Marathon 2019*
  - b. *Bursa Bull Charge 2019*
  - c. *9to5 Run Half Marathon 2019*
- Penganjuran Ekspedisi Gunung Kinabalu 2019.
- Penganjuran *School Outreach Programme 2019*.
- *Stats Boot Camp 2019*.
- Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) komuniti setempat bersama Ketua Perangkawan Malaysia di Pondok Tahfiz Al-Balaghul Mubin, Pasir Mas, Kelantan.



1

## **STATISTIK UNTUK KESEJAHTERAAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA**

- Majlis Pelancaran Laporan Indikator Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), Malaysia 2019 dan sesi webinar.
- Pelancaran Laporan Survei Pendapatan & Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES & BA) 2019.
- Pelancaran My Local Stats Malaysia mengikut daerah pentadbiran, 2019 dan sesi webinar.
- Pelancaran Statistik Perdagangan Malaysia Mengikut Negeri 2020
- Ahli panel program Wacana Al-Quran bertajuk Pendataan: Sumber Daya Ekonomi Negara.
- Menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah atas perkenan pengisian e-Census (Banci 2020) sebagai Responden Pertama Banci 2020.
- Pelancaran Banci Malaysia 7.7.2020 oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.
- Pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia Kali Ke-6.
- Pelaksanaan program promosi Banci Penduduk dan Perumahan 2020 menerusi pelbagai medium.
- Sebanyak 149 lawatan muhibah dan 445 kunjungan hormat.
- Penghasilan 498 produk termasuk 204 produk baharu.
- Penghasilan 63 produk yang dipercepatkan.

- Inisiatif DOSM mendepani impak COVID-19:
  - a. 220 *Stats Alert*
  - b. 28 Buletin Khas yang merangkumi Prestasi Sektoral dan Negeri
  - c. 3 Survei Khas Kesan COVID-19 kepada ekonomi, pekerjaan dan pola perbelanjaan di Malaysia
  - d. 59 volum ringkasan liputan media harian tempatan dan antarabangsa
  - e. 66 siri *DOSM Intelligence Statistics and Intelligence Report by State Zone*
  - f. 70 siri *Newsletter* berkaitan Statistik Makro Utama Terpilih
  - g. 97 *Newsletter*
  - h. Pembentangan Laporan Kajian mengenai Impak Pandemik COVID-19 oleh Ketua Perangkawan Malaysia bagi Negeri Terengganu

## 2

### **MODENISASI DAN INOVASI STATISTIK**

- Pelancaran *Agriculture Analytical System Dashboard*.
- Pelancaran Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, Malaysia Dalam Talian (*METS Online*) Versi 3 Fasa II.

## 3

### **MODAL INSAN DAN PEMBANGUNAN KAPASITI**

- Penganjuran *7th Malaysia Statistics Conference 2020 (MyStats 2020)*.
- Majlis Pelancaran *Proceeding of 62nd ISI World Statistics Congress (WSC)* dan Lagu "Statistik... Segalanya Pasti".
- Webinar antarabangsa dengan tema "*Counting Everyone for a Better Tomorrow*".
- Penganjuran *Statistical Competencies Development Programme (SCDP) 2020* bagi pegawai lantikan baharu E41 dan E29.
- Penyertaan 115 program di peringkat antarabangsa melibatkan 1,159 pegawai.
- Penganjuran kursus dalaman:
  - a. 12 kursus
  - b. 329 peserta
- Program Bahagian/DOSM Negeri:
  - a. 9 program
  - b. 880 peserta

## 4

### **KOMUNIKASI STRATEGIK**

- Penganjuran lima program *Stats Talk* dan lawatan pelajar.
- Penglibatan DOSM Negeri bersama pelbagai stesen radio.
- Majlis Pelancaran *DOSM Knowledge Sharing Partnership*.

- Majlis Kick Off DOSM Virtual Datathon 2020 (*DvD 2020*) yang diadakan bersempena sambutan Hari Statistik Negara 2020.
- Seminar Banci Malaysia 2020: Statistik Kependudukan Memacu Kelestarian Malaysia.
- Pengajuran Seminar *My Local Stats* Malaysia 2020 bertemakan Statistik Daerah & Tempatan Ke Arah Kecekapan Perancangan dan Pengurusan Sumber.
- Pembentangan berhubung kedudukan pasaran buruh dalam mesyuarat Pasukan Petugas Peringkat Tinggi (HTLF), Majlis Pekerjaan Negara (NEC).
- Pembentangan berkaitan Kedudukan Pengangguran dan Guna Tenaga Tidak Penuh kepada Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi yang di pergerusikan oleh YAB Perdana Menteri
- Sesi Libat Urus Majlis Tindakan pembangunan negeri dan agensi persekutuan berkaitan kaedah pengiraan PGK Baharu.
- Pengajuran dua sesi webinar *Sustainable Development Goal (SDG) 2020*:
  - a. Peringkat nasional bertemakan Pembangunan Mampan Harapan Generasi Masa Depan
  - b. Peringkat antarabangsa bertemakan *2030 Agenda: Bridging the Nations for a Better Global Sustainability*
- Pengajuran Hari Statistik Negara 2020 (*MyStats Day*):
  - a. 12 program
  - b. 4,100 peserta
- Jalinan kerjasama *Memorandum of Understanding (MoU)* dengan SME Bank.
- Penglibatan dalam 1,205 mesyuarat luar Jabatan.

## 5

## **PEMERKASAAN AGENSI**

- Penempatan Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) di bawah DOSM pada 1 Mei 2020.
- Penerimaan waran perjawatan Biro Statistik Buruh Malaysia pada 22 Mei 2020 menggantikan *Core Team Malaysian Bureau of Labour Statistics (MBLS)*.
- Pembentukan *Core Team Analitik Data Raya (CTADR)* bagi meningkatkan kemahiran dan kepakaran analitik.
- Pengukuhan Sistem Statistik Negara melalui kelulusan Jemaah Menteri pada September 2020.

## 6

### PENGIKTIRAFAN

- Pengiktirafan oleh agensi statistik antarabangsa antaranya:
  - a. *Vice Chair of Committee on Statistics of the United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (ESCAP), 2020-2022.*
  - b. *Member of Friends of the Chair Group on the Fundamental Principles of Official Statistics (FOC-FPOS), 2019-2020, United Nations Statistical Commission (UNSC).*
- Kertas kajian *An Experimental Measure of Malaysia's Gig Workers Using Labour Force Survey* diterbitkan dalam *Statistical Journal of the IAOS 36 (2020) 969-977.*

## 7

### KESEIMBANGAN BUDAYA KERJA

Penganjuran Program Kayuhan MAIPs Peduli bersama DYTM Tuanku Raja Muda Negeri Perlis & Ketua Perangkawan Malaysia bersama DOSM Perlis.

# Tadbir Urus Sistem Perangkaan

DOSM ditubuhkan pada 1949 di bawah peruntukan *Statistics Ordinance 1949* dan dikenali sebagai Biro Statistik. Pada tahun 1965, Biro Statistik telah bertukar nama kepada Jabatan Perangkaan Malaysia dan beroperasi di bawah peruntukan Akta Perangkaan 1965 (Disemak-1989).

Tadbir urus statistik adalah berteraskan *United Nations Fundamental Principles of Official Statistics* yang menggariskan prinsip asas untuk diamalkan oleh organisasi statistik negara dalam mengeluarkan statistik rasmi. Tadbir urus sistem statistik terdiri daripada semua institusi awam yang menggunakan statistik rasmi sepenuhnya di bawah undang-undang nasional mengenai statistik rasmi.

Statistik rasmi merupakan teras kepada proses pembentukan dasar sosio ekonomi negara. DOSM menghasilkan produk dan perkhidmatan statistik yang holistik serta mampan dalam bidang ekonomi, sosial, demografi dan alam sekitar. Keberhasilan daripada produk dan perkhidmatan perangkaan ini adalah *statistical evidence* yang digunakan terutamanya oleh kerajaan sebagai input dalam pembentukan, pelaksanaan, penilaian dan semakan semula dasar awam negara.

DOSM terus memartabatkan landskap sistem statistik negara dalam mempertingkatkan tadbir urus sistem statistik dengan pengukuhan Sistem Statistik Negara bagi mengharungi cabaran yang dinamik pada masa sekarang dan akan datang. Bagi tujuan ini, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 9 September 2020 telah bersetuju dengan perkara-perkara seperti berikut:

1

DOSM Sebagai Agensi Pusat

2

Penubuhan Majlis Statistik dan Data Negara (MSDN)

3

Pelantikan *Chief Data Officer (CDO)* di Kementerian, Jabatan dan Agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri

4

Menubuhkan *Change Management Office (CMO)*

5

Meminda Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989)

6

Menggubal Akta Konsolidasi Data

7

Penubuhan Pusat Analitik Data Raya Negara (*National Big Data Analytics Centre*)

**1****DOSM SEBAGAI AGENSI PUSAT**

Pengukuhan Sistem Statistik Negara diketuai oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) yang bertindak sebagai agensi pusat dalam penyelarasan sistem statistik negara yang berperanan dan bertanggungjawab membantu, menyelaras dan mengawal penghasilan statistik di kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan. Peranan dan tanggungjawab berkenaan adalah seperti berikut:

- a** menggubal dasar dan perancangan penghasilan statistik negara mengikut kerangka kerja antarabangsa dan badan-badan yang diiktiraf;
- b** menyediakan maklumat melalui penerbitan statistik berkaitan prestasi sosioekonomi dan kemajuan pelaksanaan perancangan dan pembangunan negara kepada Kerajaan (Persekutuan dan negeri);
- c** menyokong kementerian, jabatan dan agensi dalam perancangan pengurusan data; dan
- d** penggerak sistem statistik negara dan konsolidasi data negara.

**2****MAJLIS STATISTIK DAN DATA NEGARA**

Bagi melengkapkan pengukuhan sistem statistik negara, satu badan penasihat tertinggi ditubuhkan untuk menjalankan peranan dan tanggungjawab serta memberi panduan dan hala tuju dalam memantapkan sistem statistik negara. Badan ini juga akan menjadi platform bagi membincangkan penyelarasan maklumat peringkat negara (Kerajaan dan swasta), penyaluran data terkini, keharmonian dari segi proses kerja statistik negara yang mana akan menjadi satu elemen teras dalam kerangka kerja sistem statistik negara.

Tadbir urus sistem statistik negara dipimpin oleh Majlis Statistik dan Data Negara yang merupakan satu badan yang berperanan dalam memberi panduan dan hala tuju bagi memantapkan tadbir urus sistem statistik negara. Ia juga merupakan platform bagi membincangkan penyelarasan maklumat/ statistik peringkat nasional dan penetapan penggunaan standard proses kerja yang akan menjadi elemen teras kerangka kerja sistem statistik negara.

**3****PELANTIKAN CHIEF DATA OFFICER (CDO) DI KEMENTERIAN, JABATAN DAN AGENSI DI PERINGKAT PERSEKUTUAN DAN NEGERI**

Selaras dengan inisiatif Kerajaan ke arah pelaksanaan data terbuka (*open data*) yang dinamik, *Chief Data Officer* (CDO) di peringkat kementerian, jabatan dan agensi di bawah kawal selia DOSM akan dilantik bagi membangunkan mekanisma yang sistematik untuk koordinasi, capaian dan kerjasama terhadap perkongsian data yang lebih berkesan di antara DOSM dengan pelbagai kementerian, jabatan dan agensi. Dalam konteks ini, pelantikan CDO akan membantu menetapkan standard teknikal ke atas pangkalan data selain menyelaraskan aliran data. CDO juga dapat membantu dalam pengumpulan dan penyusunan data tidak berstruktur termasuk data raya. Pewujudan CDO di bawah DOSM boleh menjamin kerahsiaan maklumat.

**4****PENUBUHAN CHANGE MANAGEMENT OFFICE (CMO)**

Penubuhan *Change Management Office* (CMO) adalah bagi menjayakan pelan pengukuhan tadbir urus sistem statistik negara. CMO berperanan dan bertanggungjawab dalam merangka strategi, menilai pencapaian dan pelaksanaan terhadap pelan pengukuhan sistem statistik negara. CMO bertanggungjawab melaksanakan pelan tindakan Pengukuhan Sistem Statistik Negara dalam tempoh lima tahun bermula tahun 2021.

**5 & 6****PENGGUBALAN AKTA STATISTIK DAN AKTA KONSOLIDASI DATA**

Sistem statistik negara dipertingkatkan melalui Penggubalan Akta Statistik. Selaras dengan pengukuhan yang akan dilaksanakan, fungsi dan peranan DOSM akan diperkasakan melalui pindaan akta tersebut yang bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanannya DOSM sebagai sebuah agensi statistik yang setanding dengan agensi statistik kebangsaan lain di negara-negara maju. Selain itu, perkara berkaitan penubuhan MSDN, peranan *National Statistical Coordinator* (NSCo) dan pelantikan CDO akan turut diperjelaskan.


Faktor kritikal untuk jangka pendek dan sederhana bagi pengukuhan sistem statistik negara adalah merealisasikan integrasi dan koordinasi yang menyeluruh dan sistematis. Sistem statistik negara memerlukan mekanisme yang lebih jelas untuk melaksanakan koordinasi, kolaborasi, dan perkongsian maklumat di antara pengeluar-pengeluar data. Bagi tujuan ini, Akta Konsolidasi Data perlu digubal sebagai pelengkap tadbir urus perkongsian maklumat, termasuk antaranya data peribadi, antara badan-badan awam; untuk menyediakan prosedur pengurusan maklumat oleh badan-badan awam; untuk menyediakan daftar sahih dan daftar asas serta sumber yang benar (*single source of truth*).


**7****PENUBUHAN PUSAT ANALITIK DATA RAYA NEGARA  
(BIG DATA ANALYTICS CENTRE)**

Kepentingan analisis Data Raya (*Big Data Analytics - BDA*) dalam sektor awam ke arah penggubalan dasar yang lebih komprehensif dan tepat berpacukan data (*data driven policies*) turut dibincangkan semasa Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (*Economic Action Council - EAC*) Bil. 8/2019 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. EAC bersetuju supaya data sedia ada dimanfaatkan sepenuhnya selaras dengan inisiatif BDA yang diterajui oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri (MAMPU, JPM). Di samping itu, pelaksanaan data terbuka dan perkongsian data antara agensi Kerajaan serta pembinaan keupayaan perlu dipertingkatkan termasuk aspek keselamatan siber.

Penubuhan pusat ini adalah bertujuan untuk menyokong hasrat Kerajaan dalam memastikan setiap perancangan dan pembuatan keputusan berlandaskan analisis data selaras dengan inisiatif Kerajaan Digital. Kepakaran tenaga mahir dalam bidang penganalisaan perlu disediakan bagi menyokong inisiatif ini.

.21





# Fundamental Principles of Official Statistics

## Principle 1

*Relevance, Impartiality & Equal Access*

## Principle 2

*Professional Standards, Scientific Principles, and Professional Ethics*

## Principle 3

*Accountability and Transparency*

## Principle 4

*Prevention of Misuse*

## Principle 5

*Sources of Official Statistics*

## Principle 6

*Confidentiality*

## Principle 7

*Legislation*

## Principle 8

*National Coordination*

## Principle 9

*Use of International Standards*

## Principle 10

*International Cooperation*

Source: The United Nations Economic Commission for Europe

# Kerangka Kerja Statistik

Dalam melaksanakan aktiviti statistik rasmi, kerangka kerja yang digunakan oleh *National Statistical Office* (NSO) adalah berdasarkan panduan dan saranan organisasi statistik antarabangsa. Antara kerangka kerja yang diaplikasi oleh DOSM ialah *Generic Statistical Business Process Model* (GSBPM) yang diperkenalkan oleh *United Nations Economic Commission for Europe* (UNECE) dan *Capacity Development 4.0 Framework Matrix* (PARIS 21). Di samping itu, DOSM mengadaptasi manual dan standard terkini untuk pengeluaran produk yang berintegriti dan andal dengan berpandukan kepada *National Quality Assurance Framework* (NQAF). Ini turut disokong dengan implementasi *Data Documentation Initiative* (DDI) dan *Statistical Data and Metadata Exchange* (SDMX) dalam penyeragaman metadata dan penyebaran statistik di peringkat antarabangsa.



# Visi

**Peneraju Perkhidmatan Statistik  
Demi Kesejahteraan Sejagat**

# Misi

**Memacu Statistik Berintegriti dan Perkhidmatan  
Profesional untuk Pembudayaan Keputusan  
Berasaskan Bukti**

# Moto

**STATISTIK NADI KEHIDUPAN**

**Mesra Pelanggan**

Memberikan layanan yang mesra dan profesional kepada pengguna statistik. Sentiasa peka dan prihatin kepada keperluan pelanggan dalam persekitaran yang dinamik.

**Kompeten**

Mengutamakan kompetensi dengan sentiasa berusaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran untuk mencapai kualiti kerja terbaik, mempelajari pelbagai kemahiran bagi melaksana pelbagai tugas, peka terhadap perubahan semasa, berdisiplin, meningkatkan nilai kerohanian dan berdedikasi terhadap kerja serta membudayakan pembelajaran berterusan.

**Semangat Kebersamaan**

Mewujudkan persekitaran kerjasama yang utuh dalam diri setiap anggota agar menjadikan setiap perancangan, keputusan dan tindakan yang dilakukan lebih teratur, menjimatkan masa, cekap dan menghasilkan produktiviti yang tinggi serta matlamat dan sasaran organisasi dapat dicapai secara keseluruhannya.

**1****2****3****4****5****6****Integriti dan Akauntabiliti**

Melaksanakan tugas dengan penuh amanah, ikhlas dan jujur mengikut peraturan dan prosedur kerja tanpa kepentingan peribadi, memastikan kerahsiaan maklumat peribadi responden dilindungi dan bertanggungjawab terhadap tugas yang dilaksanakan.

**Berhemah dan Berwibawa**

Mempamerkan sifat terpuji seperti adil dan saksama, bertimbang rasa, mesra, sabar, tegas dan konsisten dalam membuat keputusan, dapat menyesuaikan diri dalam semua situasi serta sentiasa berketerampilan dan berbudi bahasa.

**Profesionalisme**

Mengamalkan profesionalisme dalam melaksanakan tugas dengan memberikan komitmen terbaik, bertanggungjawab dan gigih, memiliki ciri-ciri bijaksana, kreatif, inovatif, berdaya saing dan proaktif serta bertindak berdasarkan amalan statistik terbaik di samping terbuka untuk menerima pandangan dan cadangan.

# Pemegang Taruh dan Pengguna

## PEMEGANG TARUH *Stakeholders*



Jemaah Menteri

Kementerian dan Agensi Persekutuan • Kementerian dan Agensi Negeri  
Badan Berkanun • Pihak Berkuasa Tempatan

## PENGGUNA UMUM *General Users*

Ahli Parlimen • Ahli Dewan Undangan Negeri  
Suruhanjaya • Pejabat Kedutaan / Pesuruhjaya Tinggi Asing • Agensi Swasta  
Institusi Pengajian Tinggi • Penyelidik • Persatuan Industri • Agensi Media  
Dewan Perniagaan • Persatuan Pengguna • Kesatuan Sekerja  
Pertubuhan Belia • Badan Bukan Kerajaan • Orang Awam

## PENGGUNA ANTARABANGSA

*International Users*

- ASEAN Statistics Division (ASEANstats)
- Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC)
- Asian Development Bank (ADB)
- Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) Secretariat
- Brunei Darussalam–Indonesia–Malaysia–Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP–EAGA)
- Food and Agriculture Organization of the United Nations (FAO)
- Indonesia–Malaysia–Thailand Growth-Triangle (IMT–GT)
- International Energy Agency (IEA)
- International Institute for Management Development (IMD)
- International Labour Organization (ILO)
- International Monetary Fund (IMF)
- International Organization for Migration
- International Telecommunication Union (ITU)
- International Trade Centre (ITC)
- Islamic Development Bank (IsDB)
- Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)
- Organizational of Islamic Cooperation (OIC)
- Statistical, Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries (SESRIC)
- The Partnership in Statistics for Development in the 21st Century (PARIS21)
- United Nations Children's Fund (UNICEF)
- United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD)
- United Nations Development Programme (UNDP)
- United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (UN ESCAP)
- United Nations Economic Commission for Europe (UNECE)
- United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO)
- United Nations Environment Programme (UNEP)
- United Nations Human Settlements Programme (UN-Habitat)
- United Nations Industrial Development Organization (UNIDO)
- United Nations Population Fund (UNFPA)
- United Nations Statistical Institute of Asia and the Pacific (UN SIAP)
- United Nations Statistics Division (UNSD)
- United Nations Women (UN Women)
- United Nations World Tourism Organization (UNWTO)
- World Bank (WB)
- World Health Organization (WHO)
- World Intellectual Property Organization (WIPO)
- World Trade Organization (WTO)
- Other International Users/Agencies/Bodies
- National Statistical Offices (NSO)

# Piagam Pelanggan

DOSM komited memberi perkhidmatan statistik yang bertepatan masa, *reliable* dan berintegriti iaitu:

**1** | Memastikan statistik disebar dan dapat diakses serentak secara atas talian mengikut **Kalendar Keluaran Awalan (Advanced Release Calendar -ARC)** yang ditetapkan.

**2** | Memastikan prasarana **eStatistik** boleh diakses **24 jam sehari**

**3** | Memastikan permohonan data disediakan dalam tempoh yang ditetapkan mengikut ketersediaan data dan kompleksiti permintaan:

**a** | Data diterbitkan dalam penerbitan dan portal disediakan dalam tempoh **1 hingga 2 hari bekerja**

**b** | Data tidak diterbitkan dan perlu diekstrak dari penjadualan komputer disediakan dalam tempoh **3 hingga 5 hari bekerja**

**c** | Data yang memerlukan pengiraan, penyusunan dan prosesan tambahan disediakan dalam tempoh **2 hingga 10 hari bekerja**

**d** | Data kompleks disediakan dalam tempoh tidak melebihi **30 hari bekerja**

DOSM sentiasa memberi perhatian kepada jalinan hubungan dengan pelanggannya dalam menyampaikan perkhidmatan statistik dan memastikan:

**1** | Pelanggan di kaunter dilayan dalam tempoh **10 minit dari masa ketibaan**

**2** | Pertanyaan, maklum balas dan aduan yang diterima dikendalikan dalam tempoh **7 hari bekerja**

# Analisis Persekutaran: Isu dan Cabaran

DOSM berdepan dengan persekitaran yang berekspektasi tinggi terhadap penyampaian perkhidmatan statistik yang terbaik. Keperluan statistik yang dinamik dan kompleks menuntut Jabatan untuk terus merangka strategi bagi mengadaptasi perubahan persekitaran semasa serta mendepani ketidaktentuan situasi global. Selaras dengan *Guidelines for Developing Statistical Capacity - A Roadmap for Capacity Development 4.0* di bawah Paris 21, isu dan cabaran dikenal pasti berdasarkan lima sasaran/peringkat yang digariskan dalam kerangka kerja *Capacity Development 4.0* iaitu sumber, kemahiran dan pengetahuan, pengurusan, tadbir urus dan galakan/incentif. *Capacity Development 4.0* adalah merupakan proses di mana sistem statistik, organisasi dan individu memperoleh, memperkuat dan mengekalkan kebolehan untuk mengumpulkan, menghasilkan, menganalisis dan menyebarkan data berkualiti tinggi dan boleh dipercayai untuk memenuhi keperluan pengguna.

## Sumber

Cabaran bagi memenuhi ekspektasi tersebut adalah untuk menyeimbangkan antara polisi perkongsian data mikro, *small area* dan *granular statistics* dengan keselamatan data. Fenomena globalisasi yang berteraskan persekitaran digital dengan peningkatan *volume* data kesan daripada ledakan maklumat berstruktur dan tidak berstruktur kini semakin ketara. Kepesatan revolusi digital yang berasaskan internet dan teknologi satelit daripada pelbagai sumber termasuk media sosial telah menyediakan peluang sumber data baharu bagi penjanaan statistik dan penghasilan pengetahuan terkini. Senario ini menuntut sumber teknologi baharu dengan penggunaan pelbagai peralatan, perisian dan kemahiran bagi penghasilan pelbagai proses kerja yang lebih bersepadu.

## Kemahiran dan Pengetahuan

Wujudnya peluang sumber data baharu kesan daripada ledakan maklumat telah menjadikan kepakaran bidang baharu terutamanya bidang sains data dan analitik data raya mendapat permintaan tinggi dan keperluan yang kritikal. Seterusnya, kepakaran dalam bidang ini menjadi aset berharga kepada DOSM dan merupakan prospek jangka masa panjang bagi pengeluaran statistik rasmi negara. Cabaran yang perlu didepani adalah bagi meningkatkan keupayaan pembangunan kapasiti warga kerja supaya berkembang selari dengan aspirasi DOSM. Di kebanyakan negara maju, sains data telah menjadi bidang yang semakin penting dan merupakan kemahiran yang diperlukan oleh anggota agensi statistik tersebut. Justeru itu, pengukuhan organisasi dan pemerksaan modal insan menjadi keutamaan dalam pelan strategik ini.

## Pengurusan

Keperluan mengadaptasi metodologi terkini, kewujudan prospek baharu profesional data dan limpahan maklumat serta kepelbagaian data memberi kesan kepada pengurusan Jabatan. Perancangan dan pelaksanaan perlu sentiasa diperkemas bagi mengelakkan impak negatif kepada budaya kerja di Jabatan. DOSM melangkaui ekspektasi dan kemampuan untuk melakukan perubahan bagi menghadapi isu tersebut dengan mengorak langkah dalam melaksanakan Pengukuhan Sistem Statistik Negara bagi memenuhi keperluan terhadap perkhidmatan dan produk statistik yang dinamik sama ada dalam negara maupun di peringkat global.

## Tadbir Urus

Cabarani dalam mentadbir urus penyampaian perkhidmatan Jabatan yang berskala besar dan luas perlu diperkuuh dengan memperkejatkan hubungan baik dengan para pelanggan. Jurang data yang kritikal dan kurang penyelarasannya perlu diatasi bagi memastikan setiap keputusan dibuat dengan lebih kejat.

Ini menuntut DOSM untuk sentiasa proaktif dan responsif terhadap keperluan menyediakan produk dan perkhidmatan statistik yang berintegriti, relevan dan andal. Justeru, inisiatif bagi memasyarakatkan statistik secara holistik turut menjadi keutamaan dalam menggarap pelan ini.

## Galakan dan Insentif

Bersesuaian dengan tuntutan peredaran masa dan teknologi, pelbagai isu dan cabaran perlu diatasi segera antaranya berkaitan jurang potensi kepakaran ilmu statistik yang belum dipelbagaikan dan digembleng sepenuhnya. Pada masa yang sama, jurang ilmu antara kumpulan pegawai dan anggota semakin melebar di samping kurangnya kefahaman terhadap hala tuju DOSM yang menjelaskan kebersamaan dalam membangunkan Jabatan perlu diberi perhatian sewajarnya. Justeru, beberapa inisiatif telah digariskan dengan pelaksanaan program yang strategik dalam mendepani cabaran tersebut.

# Peranan DOSM

Sebagai agensi utama dalam bidang perangkaan ke arah sistem maklumat yang bermutu, berorientasikan pengguna dan bertepatan masa, DOSM memainkan peranan berikut untuk pembentukan dasar perancangan pembangunan dan pentadbiran negara.

## 1

### PENERAJU KEPIMPINAN BAGI SISTEM STATISTIK NEGARA

DOSM merupakan peneraju kepada kepimpinan profesional bagi sistem statistik negara. Statistik rasmi yang dikeluarkan digunakan bagi pembuatan keputusan berdasarkan bukti.

DOSM merupakan wakil negara dalam melaksanakan kerjasama statistik di peringkat global dengan tanggungjawab untuk memastikan pematuhan kepada piawaian antarabangsa dalam penyusunan statistik rasmi.

## 2

### PENYEDIA PRODUK DAN PERKHIDMATAN STATISTIK

Selaku pembekal statistik rasmi negara, DOSM memainkan peranan penting menerusi perkara berikut:

- a** memperkuuhkan penyusunan statistik sedia ada mengikut keperluan pemegang taruh dan pengguna
- b** mengeluarkan statistik baharu mengikut bidang yang diperlukan
- c** memperluaskan liputan pengeluaran statistik di peringkat kawasan kecil melalui kaedah yang bersesuaian
- d** mengadaptasi metodologi mengikut standard antarabangsa yang terkini dan bersesuaian
- e** melaksanakan modenisasi dalam proses kerja statistik

**f**

mengoptimumkan revolusi data melalui data raya

**g**

meningkatkan keupayaan dalam inovasi dan analitik

**h**

meningkatkan kesedaran literasi statistik ke arah pembuatan keputusan berdasarkan bukti

**i**

menyediakan perkhidmatan rundingan statistik

### 3

#### KOORDINATOR AKTIVITI STATISTIK

Peranan DOSM sebagai koordinator bagi aktiviti statistik berpandukan kepada *United Nation Fundamental Principles of Official Statistics* (UNFPOS) dalam menghasilkan statistik yang andal dan bertepatan masa. Antaranya:

**a**

penggunaan metodologi, kod dan klasifikasi

**b**

perluasan penggunaan data pentadbiran

**c**

pengintegrasian data daripada pelbagai sumber dan platform

**d**

pengukuhan peranan DOSM Negeri sebagai koordinator di peringkat negeri

**e**

Pengukuhan peranan perkhidmatan kader di agensi kerajaan sebagai *Chief Data Officer*

**f**

peningkatan jalinan kerjasama strategik dengan pemegang taruh, media dan komuniti statistik di peringkat nasional dan antarabangsa

# Hala Tuju Pelan Strategik 2021-2025

Hala tuju strategik yang jelas, komprehensif dan realistik merupakan antara faktor kritikal penentu kejayaan DOSM dalam merealisasikan visi sebagai **Peneraju Perkhidmatan Statistik Demi Kesejahteraan Sejagat**.

Dalam konteks ini, elemen yang perlu diberi perhatian dalam inisiatif pengukuhan berterusan DOSM adalah kualiti dan kepelbagaiannya perkhidmatan, modal insan yang tangkas dan fleksibel, pengurusan sumber yang cekap dan kemampuan untuk menjadi pusat kecemerlangan statistik rasmi di persada global. Oleh itu, penentuan teras strategik bagi tempoh 2021 hingga 2025 adalah berpandukan kepada transisi dalam persekitaran sosioekonomi global, kerangka dasar pembangunan negara, perkembangan komuniti statistik antarabangsa, revolusi teknologi maklumat dan komunikasi, era pendigitalan, pemberkasaan modal insan serta peningkatan kompleksiti permintaan produk dan perkhidmatan statistik.

Sejajar dengan peranan sebagai organisasi statistik rasmi negara, DOSM sentiasa berperanan aktif dalam inisiatif pembangunan dan pengukuhan negara yang diterjemah melalui dokumen dasar, kerangka strategi dan program. Merentasi dokumen dasar negara, sebarang perubahan atau cabaran sosioekonomi global yang turut mempengaruhi persekitaran negara juga menjadi asas rujukan dan pertimbangan pengukuhan strategik DOSM. Ini termasuk krisis dan peristiwa luar jangka yang memberi impak dan merubah landskap sosioekonomi global dan nasional. Selain menyumbang dari segi penyediaan statistik rasmi sebagai input perancangan dan pembangunan negara, DOSM sentiasa peka dan bertindak balas dengan pantas bagi memastikan penghasilan maklumat baharu dari semasa ke semasa sebagai memandu arah proses membuat keputusan berdasarkan bukti dalam persekitaran yang dinamik.

Persekutuan global yang dinamik ini juga memerlukan DOSM terus memperkuuh jalinan kerjasama dengan komuniti statistik antarabangsa dalam menerokai perubahan dan penambahbaikan metodologi, analisis, penyusunan dan komunikasi statistik pelbagai bidang. Usaha ini juga sejajar dengan aspirasi DOSM untuk mempertingkat keterlibatan Malaysia sebagai peneraju sistem statistik di peringkat global.

Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) merupakan salah satu elemen utama yang menyokong perkhidmatan statistik yang berkualiti dan andal. Berdepan dengan cabaran global yang mengekang pergerakan merentasi sempadan negara dan antarabangsa, peranan ICT dilihat semakin genting dalam penghasilan produk dan perkhidmatan statistik rasmi. Terdahulu, DOSM telah pun menerokai perubahan melalui pembangunan sistem bersepadu dalam pengurusan statistik rasmi. Namun, pada masa ini terdapat keperluan untuk peralihan kepada sumber data baharu seperti data raya serta rekod pentadbiran selain daripada banci dan survei. Justeru, ciri-ciri terkini perlu diadaptasi dalam memperkejat inisiatif dan proses pendigitalan perkhidmatan statistik serta sistem statistik negara. Ini bertujuan untuk menguruskan pengintegrasian kepelbagaian sumber data dengan berkesan, meminimumkan pertindihan kerja dan seterusnya memenuhi kompleksiti permintaan pemegang taruh dan pelanggan.

Sumber manusia merupakan komponen utama dalam menerajui perubahan organisasi. Tumpuan khusus dan berterusan amat penting ke arah pembangunan kapasiti dan pengukuhan modal insan di DOSM. Namun, kaedah yang lebih bersesuaian perlu dilaksanakan bagi memastikan proses pembelajaran dan peningkatan kemahiran secara berterusan dapat dilaksanakan. Antaranya adalah penekanan kepada amalan pembelajaran kendiri serta pembelajaran melalui proses pelaksanaan tugas. Aspek pengukuhan modal insan juga perlu memastikan aspirasi membangunkan modal insan yang berkemahiran, tangkas dan berupaya bertindak balas secara fleksibel sejajar dengan transisi pantas aspirasi organisasi.

Dewasa ini, berlaku evolusi data dan statistik dalam kehidupan yang mana keperluannya dilihat semakin kritikal bukan sahaja di peringkat organisasi, malahan juga di peringkat individu. Pelbagai pihak berkepentingan menggunakan statistik sebagai asas utama dalam membuat keputusan dan seterusnya memacu perubahan. Cabaran luar jangka dan krisis yang melanda masyarakat global juga telah menjadi pemangkin kepada peningkatan dalam produk dan perkhidmatan statistik yang terkini dan lebih kerap dengan dimensi yang lebih terperinci. Di Malaysia, hal ini merupakan satu isyarat bagi DOSM selaku organisasi statistik rasmi negara untuk terus memperkuuh serta memperluaskan perkhidmatan statistik kepada segenap lapisan pengguna dan seterusnya memastikan organisasi DOSM terus kekal relevan dalam mendepani cabaran global dan nasional.

Dengan penelitian terhadap enam jenis cabaran tersebut, DOSM telah menggariskan empat teras strategik dalam pengukuhan dan penampaikan organisasi iaitu keberhasilan produk dan perkhidmatan statistik yang holistik serta mampan, pemerkasaan inovasi dalam pengurusan sumber dan infrastruktur, pembudayaan kemahiran, kecekapan dan profesionalisme serta pemartabatan sistem statistik negara.

Bertepatan dengan peranan sebagai organisasi statistik rasmi negara, adalah menjadi agenda utama DOSM untuk terus memastikan **keberhasilan produk dan perkhidmatan statistik yang holistik serta mampan** dalam memenuhi permintaan pengguna yang dinamik dan kian kompleks. Hal ini dapat dilaksanakan melalui usaha memperkasakan perkhidmatan statistik yang berintegriti, relevan dan andal dengan mengadaptasi *National Quality Assurance Framework* (NQAF) dalam proses pelaksanaan kerja; memperluaskan liputan, analisis serta pengeluaran data kepada dimensi demografi, sosioekonomi dan geografi yang lebih terperinci; serta mempertingkat pengetahuan dan keterlibatan dalam aspek pembangunan dasar dan program supaya dapat dimanfaatkan ke arah penghasilan produk yang relevan. Seterusnya, dalam mempertingkat kecekapan penyampaian perkhidmatan pula menuntut kepada adaptasi pendigitalan dan automasi proses kerja serta memanfaatkan sumber dan kerangka kerja sedia ada dalam penghasilan statistik baharu. Akhirnya, perlu memastikan produk dan perkhidmatan statistik yang dihasilkan dapat dimanfaatkan oleh pelbagai jenis pengguna dengan mempertingkat kesedaran subjek statistik dalam kalangan pelajar, serta mempergiat pengeluaran pelbagai jenis produk seiring dengan keperluan kumpulan sasar.

Pengurusan sumber secara cekap merupakan salah satu jaminan kecemerlangan prestasi organisasi. Justeru, penyesuaian dan inovasi proses kerja juga perlu bagi tujuan tersebut dengan memastikan tiada pertindihan bidang tugas dan produk. Dari aspek pengurusan infrastruktur pula, antara inisiatif utama adalah merangkumi pengukuhan pengurusan rangka pertubuhan, isi rumah dan populasi; penambahbaikan platform serta sistem pengurusan dan pengintegrasian data dan proses kerja; serta penambahbaikan data dan tadbir urus geospatial. Perhatian juga perlu diberikan kepada jaminan kualiti dan kemampaman perisian, perkakasan dan peralatan dalam jangka panjang, serta perluasan akses kepada statistik melalui peningkatan pendigitalan.

Pembudayaan kemahiran, kecekapan dan profesionalisme merupakan teras strategik yang bertujuan untuk memastikan usaha berterusan dalam pembangunan dan pengukuhan keupayaan modal insan DOSM. Ini termasuk peningkatan profesionalisme dan kompetensi personel melalui aktiviti khusus seperti pelaksanaan *Statistical Competencies Development Programme (SCDP)* kepada pegawai lantikan baharu dan diperkuuh semula kepada pegawai yang telah berkhidmat di DOSM dalam tempoh lebih lama. Pusingan dan penggiliran kerja juga perlu dilaksanakan dalam usaha memperluas ufuk pengetahuan dan kemahiran personel, yang mana akhirnya dapat membantu mempertingkat keupayaan membuat hubung kait serta gabung jalin kesemua bidang statistik. Selain memberi tumpuan kepada pembangunan kapasiti personel, teras strategik ini turut menggariskan strategi bagi memperkasa peranan DOSM sebagai pentas pengurusan ilmu yang mana turut merangkumi pembangunan kapasiti sebagai pakar kepada subjek khusus; menjadi sumber rujukan nasional dan serantau; dan mempertingkat keterlibatan di persada antarabangsa.

Pemartabatan sistem statistik negara adalah teras yang digariskan dalam memastikan peranan dan tanggungjawab pembangunan dan pengeluaran statistik rasmi negara dapat digalas dengan lebih berkesan oleh DOSM dengan sokongan dan komitmen padu semua pihak yang meliputi organisasi sektor awam, pemain industri dan ahli akademik. Dalam hubungan ini, DOSM sedang melaksanakan pengukuhan sistem statistik negara berasaskan kelulusan Jemaah Menteri pada tahun 2020 yang meliputi pindaan kepada akta sedia ada serta mewujudkan peranan DOSM sebagai agensi pusat, dalam memperkuuh fungsi DOSM serta mempertingkat keupayaan perkongsian data bagi tujuan pengeluaran statistik rasmi. Seterusnya, dalam memacu analitik data sektor awam pula memerlukan supaya diwujudkan tadbir urus statistik dalam pengurusan sektor awam; dan memperkasa kerjasama strategik dengan kementerian, jabatan dan agensi bagi pengukuhan pengurusan data pentadbiran sektor awam. Akhirnya, bagi mewujudkan golongan pengguna yang celik dan cerdik statistik juga memerlukan usaha yang dipergiat dalam memperkenalkan subjek statistik rasmi sebagai kurikulum pendidikan formal; membudayakan penyelidikan berasaskan statistik rasmi; serta kesediaan untuk mempertingkat akses dan perkongsian data mikro.

Kesimpulannya, penetapan hala tuju ini yang didokong oleh teras strategik yang ideal serta diperincikan dengan strategi dan program yang bersesuaian adalah bertujuan untuk memastikan DOSM berada di landasan yang tepat ke arah merealisasikan visi organisasi melalui penyataan misi dan enam nilai teras yang telah dikenal pasti.



# Teras Strategik 1

## Keberhasilan Produk Dan Perkhidmatan Statistik Yang Holistik Serta Mampan

DOSM komited untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan statistik yang holistik serta mampan bagi meningkatkan produktiviti serta pembuatan keputusan yang berkesan menerusi tiga strategi dan tujuh program.



# Strategi 1

## Memperkasakan Perkhidmatan Statistik yang Berintegriti, Relevan dan Andal

### Program 1

Menghasilkan produk statistik yang andal untuk pembuatan keputusan.

### Aktiviti

- 1 Menggalakkan pengayaan data berdasarkan keperluan dan ketersediaan *quick-win data*.
- 2 Menyertai penyelidikan organisasi lain untuk memahami perubahan sosioekonomi dan situasi semasa negara.
- 3 Menambahbaik penghasilan data sedia ada.
- 4 Memperluaskan penghasilan statistik baharu dan liputan penyelidikan selaras dengan agenda nasional.
- 5 Memperluaskan penghasilan statistik baharu dan liputan penyelidikan selaras dengan agenda antarabangsa.

### Program 2

Menerapkan inovasi dalam teknik statistik bagi meningkatkan kualiti data.

### Aktiviti

- 1 Meningkatkan jalinan kerjasama strategik dengan agensi kerajaan dan badan berkanun bagi perkongsian data.
- 2 Mengaplikasi penggunaan sumber data baharu yang bersesuaian dan teknik pengumpulan data yang inovatif.
- 3 Meningkatkan kualiti dan ketepatan masa menerusi penerokaan kaedah baharu dalam penganalisaan data.

## Aktiviti

### Program 3

Memperkuuhkan kualiti perkhidmatan dan produk statistik bagi memastikan kesinambungan penyampaian perkhidmatan yang selamat dan diyakini.

- 1 Mengaplikasi *Fundamental Principles of Official Statistics* dalam penyampaian perkhidmatan.
- 2 Mengadaptasi kerangka kerja dan manual antarabangsa yang terkini secara berterusan.
- 3 Memperkuuhkan pelaksanaan NQAF bagi pengumpulan data dan penyusunan statistik rasmi.
- 4 Melaksanakan penambahbaikan berterusan terhadap produk dan perkhidmatan yang dikeluarkan.

### Program 4

Menyelaras keperluan baharu dan mengelakkan pertindihan permintaan.

- 1 Mengintegrasikan pelbagai sistem bertujuan menjana statistik baharu.
- 2 Memperkuuh pangkalan data bagi penyimpanan dan integrasi data.
- 3 Mengintegrasikan pengumpulan data ke arah pengurangan beban responden dan pembekal data.

# Strategi 2

## Meningkatkan Inovasi Rantaian Statistik untuk Penyampaian Perkhidmatan yang Efisien

### Program 1

Memperluaskan sesi libat urus merentasi sektor awam, swasta, industri, institusi pengajian dan komuniti.

### Aktiviti

- 1 Memberikan sesi khidmat nasihat dan rundingan statistik mengikut keperluan.
- 2 Memperkasakan perkhidmatan kader di kementerian, jabatan dan agensi.
- 3 Mengadakan sesi libat urus bersama kementerian, jabatan, agensi dan pemegang taruh bagi statistik baharu yang dikeluarkan.

### Program 2

Meningkatkan penggunaan teknologi baharu (*emerging technologies*).

### Aktiviti

- 1 Mengadaptasi perkembangan teknologi baharu dalam pengurusan dan penganalisisan data.
- 2 Mengadakan sesi perkongsian dan pembelajaran bersama industri yang telah menggunakan teknologi terkini yang bersesuaian.

# Strategi 3

## Memasyarakatkan Statistik Secara Holistik

### Program 1

Memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan dan pemasaran produk.

### Aktiviti

- 1 Menggalakkan dan memudahkan akses data SDG melalui sistem petunjuk SDG.
- 2 Memperluas penyebaran statistik rasmi melalui penggunaan platform media sosial yang optimum.
- 3 Menghasilkan statistik kawasan terkecil (*small area*) sehingga peringkat daerah pentadbiran untuk kegunaan masyarakat umum.

## Teras Strategik 2

### Pemerkasaan Inovasi Dalam Pengurusan Sumber Dan Infrastruktur

- DOSM komited memperkasakan inovasi dalam pengurusan sumber dan infrastruktur bagi penyampaian perkhidmatan statistik terbaik dan memenuhi keperluan nasional
  - menerusi tiga strategi dan lapan program.

# Strategi 1

## Mengadaptasi Revolusi Sistem dan Proses Kerja Statistik

### Aktiviti

#### Program 1

| Memperkemaskan pengurusan rangka statistik.

- 1 | Memperkuuhkan pengurusan rangka pertubuhan melalui *Malaysia Statistical Business Register* (MSBR).
- 2 | Memantapkan pengurusan rangka tempat kediaman dan penduduk melalui *Malaysia Statistical Address Register* (MSAR) dan *Malaysia Statistical Population Register* (MSPR).

#### Program 2

| Mengukuhkan hub perkongsian dan pengurusan data.

- 1 | Mewujudkan infrastruktur yang lengkap bagi menyokong perkongsian data nasional.
- 2 | Memperkuuh pengurusan sumber data dan penyelarasan data melalui pemerkasaan sistem integrasi data bersama agensi Kerajaan.
- 3 | Memperkuuhkan platform *Statistics Data Warehouse* (StatsDW) dan *Statistics Big Data Analytics* (STATSBDA) dalam pengurusan data DOSM

## Aktiviti

### Program 3

Memperluaskan penggunaan *Geographic Information System* (GIS) dalam penyusunan statistik.

- 1 Memperkuuhkan pengurusan data dan tadbir urus geospatial.
- 2 Memperluas penggunaan data geospatial dalam penyusunan statistik.
- 3 Memperluas penggunaan *data imagery* dalam aktiviti statistik.
- 4 Mengadaptasi *The Global Statistical Geospatial Framework* (GSGF).

# Strategi 2

## Pemerkasaan Tadbir Urus Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT)

### Program 1

Memperkasakan pengurusan tadbir urus ICT.

### Aktiviti

- 1 Memperkasa tadbir urus perolehan dan kontrak ICT.
- 2 Membangunkan tadbir urus *Enterprise Architecture*.
- 3 Membangunkan *Enterprise Architecture DOSM*.

### Program 2

Mengadaptasi penggunaan ICT yang terkini dan relevan dalam penyusunan statistik.

### Aktiviti

- 1 Menaiktaraf *National Enterprise Wide Statistical System (NEWSS)* bagi pengurusan survei.
- 2 Mempertingkatkan perkhidmatan integrasi dan *web services*.
- 3 Menyediakan platform *Open Data* atau *Application Programming Interface (API)* yang lebih intuitif dan mesra pengguna bagi rujukan maklumat yang bertepatan.
- 4 Memastikan pemilihan perisian dan teknologi yang mampan untuk jangka masa panjang bagi penyusunan penghasilan statistik yang lebih terperinci dan berkualiti.

# Aktiviti

## Program 3

| Memperkejatkan tadbir urus keselamatan ICT.

- 1 Memperkemaskan prosedur operasi standard bagi memastikan pengurusan sistem berfungsi dengan cekap dan selamat.
- 2 Meningkatkan halangan capaian tidak sah dan tanpa kebenaran ke atas perkhidmatan rangkaian dan maklumat.
- 3 Memastikan perkhidmatan dan pengurusan maklumat berfungsi dengan selamat.
- 4 Memastikan insiden dikendalikan dengan segera dan berkesan.

## Program 4

| Memperkasa pengurusan infrastruktur ICT.

- 1 Melaksanakan migrasi pusat data DOSM ke Pusat Data Sektor Awam.
- 2 Memperkemaskan pengurusan kapasiti pusat data dan infrastruktur ICT Ibu Pejabat dan DOSM Negeri.
- 3 Menaik taraf dan melaksanakan konsolidasi infrastruktur ICT DOSM (Pangkalan data, rangkaian & keselamatan, Inisiatif Data Raya & Data Analitik).
- 4 Menaiktaraf platform geospatial DOSM.
- 5 Memperluaskan skop *Data Recovery Centre* (DRC).
- 6 Menyelaras dan memantau penggunaan perisian statistik dan aset ICT.

# Strategi 3

## Memperluas Kebolehcapaian Statistik

### Program 1

Mengukuhkan sistem penyampaian statistik secara digital.

### Aktiviti

- 1 Melaksanakan kajian kepuasan pelanggan mengenai penyampaian perkhidmatan DOSM.
- 2 Meningkatkan penyebaran statistik secara digital melalui aplikasi mudah alih.
- 3 Meningkatkan capaian statistik yang komprehensif dan interaktif.

# Teras Strategik 3

## Pembudayaan Kemahiran, Kecekapan Dan Nilai Profesionalisme

- ▶ DOSM komited membudayakan kemahiran, kecekapan dan nilai profesionalisme bagi mengoptimumkan bakat dan melahirkan modal insan yang berdaya saing menerusi tiga strategi dan lapan program.

# Strategi 1

## Meningkatkan Profesionalisme dan Kompetensi Personel

### Program 1

Mewujudkan kepelbagaian kemahiran bidang berkaitan statistik.

### Aktiviti

- 1 Memastikan pegawai lantikan baharu mengikuti kursus *Statistical Competencies Development Programme (SCDP)*.
- 2 Meningkatkan kemahiran bidang berkaitan statistik rasmi.
- 3 Menyediakan tenaga pengajar pakar yang mencukupi di peringkat Jabatan.
- 4 Meningkatkan bilangan kursus berkaitan sains data dan analitik data raya.
- 5 Meningkatkan penulisan dan pembentangan kertas penerbitan ilmiah & kajian statistik bagi penyertaan dalam dan luar negara.
- 6 Meningkatkan bilangan profesional yang berkelayakan pasca siswazah dengan fokus bidang kajian terpilih.
- 7 Meningkatkan kapasiti dan kompetensi pegawai sebagai Penasihat Kerjaya (*Career Advisor*).

# Aktiviti

## Program 2

Mengukuhkan latihan kemahiran yang seiring dengan keperluan Jabatan menggunakan teknologi semasa.

- 1 Meningkatkan penguasaan penggunaan pakej statistik dan analitik.
- 2 Membentuk kemahiran Perangkawan sehingga tahap saintis data.
- 3 Mewujudkan jawatankuasa khas bagi mengenal pasti jurucakap (*spokesperson*) mengikut bidang kemahiran statistik.
- 4 Meningkatkan kemahiran dan kepakaran teknologi *Big Data Analytics* dan pengurusan data.
- 5 Memperkasa kemahiran mengikut bidang ICT meliputi pembangunan sistem, pengurusan pangkalan data dan rangkaian & keselamatan.
- 6 Membentuk dan memantapkan kemahiran pembangunan aplikasi mudah alih.
- 7 Membentuk dan memantapkan kemahiran kejuruteraan data.

## Strategi 2

### Memupuk Pemikiran ke Arah Modernisasi dan Perkembangan Daya Cipta

#### Program 1

Memperkuatkan kompetensi sumber manusia untuk menjadi lebih dinamik dan responsif dengan perubahan persekitaran.

#### Aktiviti

- 1 Melaksanakan pusingan kerja bagi memastikan anggota mempunyai pelbagai kemahiran dan pengalaman kerja yang meluas.
- 2 Mengukuhkan persekitaran budaya *telework* ke arah meningkatkan kecekapan dan keberkesan kerja.
- 3 Meningkatkan penyertaan dan penganjuran kursus termasuk pembelajaran dalam talian luar jabatan dan antarabangsa.

#### Program 2

Mempertingkatkan penyertaan pertandingan / program kreativiti dan inovasi di peringkat nasional dan antarabangsa.

#### Aktiviti

- 1 Menyertai Anugerah Inovasi peringkat Kementerian, Negeri dan Kebangsaan.
- 2 Menyertai program penarafan di Ibu Pejabat dan Negeri.
- 3 Membudayakan dan mengaplikasikan hasil inovasi dalam pelaksanaan kerja.
- 4 Menyertai pertandingan anjuran agensi di peringkat nasional dan antarabangsa.

## Aktiviti

### Program 3

Memupuk budaya inovasi dalam pelaksanaan kerja.

- 1 Melaksanakan kerjasama projek berimpak tinggi bersama agensi dan institusi pendidikan tinggi berkaitan statistik dan sains data.
- 2 Menerapkan minat anggota mengenai teknologi terkini sains data.
- 3 Menyediakan platform dan memperbanyakkan rujukan berbentuk ilmiah sains data.
- 4 Menjadi pemangkin (*catalyst*) kajian baharu statistik.

# Strategi 3

## Memperkasa Peranan Sebagai Pentas Pengurusan Ilmu

### Program 1

Memperkuatkan peranan Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) sebagai pusat rujukan kepada institusi lain dan *Centre of Skills Excellence* (COSE) (Pusat Kecemerlangan Kemahiran).

### Aktiviti

- 1 Mengadakan hubungan strategik bersama institusi latihan statistik antarabangsa bagi pembangunan kapasiti.
- 2 Menganjurkan latihan dan kursus berkaitan statistik dan sains data kepada agensi luar.
- 3 Memperkuatkan modul latihan selaras dengan perkembangan statistik semasa.
- 4 Memperluaskan bidang latihan yang ditawarkan.

### Program 2

Mewujudkan Pakar Bidang Khusus (*Subject Matter Expert - SME*).

### Aktiviti

- 1 Menyediakan pelan pembangunan SME dengan memfokuskan kepada tujuh bidang SME.
  - a) Metodologi Survei;
  - b) Akaun Negara;
  - c) Pasaran Buruh;
  - d) Kependudukan;
  - e) Sains Data.
- 2 Mewujudkan SME dalam kalangan pegawai bagi bidang kepakaran terpilih.

## Aktiviti

### Program 3

Meningkatkan penglibatan anggota dalam program bersama agensi antarabangsa berkenaan statistik dan sains data.

- 1 Meningkatkan hubungan dengan *National Statistical Office (NSO)* antarabangsa dan agensi statistik dunia.
- 2 Meningkatkan penyertaan dalam kumpulan pakar dan pasukan kerja (*task team group*).
- 3 Menyertai dan menganjurkan seminar dan forum di peringkat antarabangsa.

# Teras Strategik 4

## Pemartabatan Sistem Statistik Negara

- DOSM komited untuk memartabatkan sistem statistik negara bagi pembangunan negara yang mampan menerusi tiga strategi dan lapan program.

# Strategi 1

## Mengukuhkan Sistem Statistik Negara

### Program 1

Memperkasa tadbir urus sistem statistik negara dan DOSM sebagai agensi pusat.

### Aktiviti

- 1 Menubuhkan Majlis Statistik dan Data Negara.
- 2 Mewujudkan peranan DOSM sebagai agensi pusat.
- 3 Menggubal Rang Undang-Undang Statistik.
- 4 Melantik *Chief Data Officer* (CDO) di Kementerian, Jabatan dan Agensi.

# Strategi 2

## Memacu Analitik Data Sektor Awam

### Program 1

Mentadbir urus statistik dalam pengurusan Sektor Awam.

### Aktiviti

- 1 Mewujudkan tadbir urus data nasional.
- 2 Menggubal hala tuju data nasional (*National Data Strategy*).
- 3 Mewujudkan garis panduan spesifik (*handbook*) penggunaan statistik rasmi untuk kegunaan sektor awam.
- 4 Menyediakan Prosedur Operasi Standard (SOP) penyusunan dan perekodan data dan statistik di peringkat Kementerian, Jabatan dan Agensi.
- 5 Mengabsahkan metodologi dan statistik rasmi yang dikeluarkan oleh kementerian, jabatan dan agensi.

### Program 2

Memperkasa kerjasama strategik dengan Kementerian, Jabatan dan Agensi bagi pengukuhan pengurusan data pentadbiran sektor awam.

### Aktiviti

- 1 Mengkaji ketersediaan data ekonomi dan sosial di Kementerian, Jabatan dan Agensi bagi sektor formal dan informal.
- 2 Memperkasa keupayaan pembekalan data dari Kementerian, Jabatan dan Agensi secara berkala.
- 3 Melaksanakan kajian indikator baharu bersama Kementerian, Jabatan dan Agensi.

# Strategi 3

## Membudayakan Statistik Dalam Kehidupan

### Program 1

| Mempergiatkan akses data mikro yang berkesan.

### Aktiviti

- 1 | Menyediakan panduan / Prosedur Standard Operasi (SOP) akses data mikro secara berkala.
- 2 | Menggalakkan penggunaan data mikro dalam penyelidikan dan kajian.
- 3 | Mengadakan perkongsian dapatan penyelidikan dan analisis data.

### Program 2

| Meningkatkan tahap literasi statistik dalam kalangan masyarakat dan komuniti.

### Aktiviti

- 1 | Meningkatkan program literasi bersama institusi pengajian.
- 2 | Meningkatkan program literasi bersama sekolah.
- 3 | Mengadakan sesi pengukuhan pemahaman dari segi penyampaian statistik yang berkesan kepada masyarakat.
- 4 | Mengadakan program literasi bersama Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri.
- 5 | Mempergiat literasi statistik melalui media sosial.

# Aktiviti

## Program 3

| Mempromosi dan memperkenalkan statistik rasmi dalam pendidikan formal.

